



25 APR, 2020

## DEKOMS cadang sektor perniagaan 'kawasan hijau' beroperasi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# DEKOMS cadang sektor perniagaan 'kawasan hijau' beroperasi

**KUCHING:** Dewan Ekonomi Melayu Sarawak (DEKOMS) mencadangkan kepada kerajaan supaya beberapa sektor perniagaan di "kawasan hijau" Sarawak dibenarkan untuk beroperasi dengan langkah kawalan mengikut peraturan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beberapa sektor perniagaan yang tidak terdedah kepada risiko penularan wabak Covid-19 hendaklah diberikan pertimbangan serius supaya dibenarkan beroperasi bagi mengurangkan bebanan kewangan usahawan kecil semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebagai contoh, kegiatan pasar tani dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Dan Pertanian Persekutuan (FAMA) di kawasan luar bandar boleh diaktifkan semula bagi memberi ruang kepada usahawan desa memasarkan produk pertanian mereka yang disimpan

terlalu lama boleh mendaangkan kerugian.

Sebanyak 65 peratus kawasan di Sarawak diisyiharkan sebagai 'kawasan hijau bebas Covid-19', terutama di kawasan luar bandar. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) hendaklah mengkaji beberapa aktiviti perniagaan yang dibenarkan bagi memastikan sektor ekonomi di kawasan luar bandar tidak lumpuh apatah lagi dengan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh PKP sehingga 12 Mei 2020.

Dewan Ekonomi Melayu Sarawak (DEKOMS) menyambut baik keputusan kerajaan untuk melanjutkan tempoh PKP fasa keempat untuk tempoh 14 hari lagi bermula 29 April sehingga 12 Mei 2020 bagi membendung penularan Covid-19, seperti mana diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

DEKOMS juga menggesa supaya kawasan yang berisiko

tinggi di Sarawak seperti Daerah Kuching dan Samarahan yang sudah disahkan sebagai kawasan merah dikenakan PKP yang lebih ketat bagi membendung Covid-19.

Di Daerah Kuching, Petra Jaya dan Matang khususnya, beberapa kawasan membeli-belah masih lagi dikerumuni ramai manakala pergerakan lalu lintas masih terlalu sibuk setiap hari sedangkan kes Covid-19 masih lagi berleluasa.

DEKOMS menyambut baik keputusan JPBN yang mengehadkan tempoh jualan makanan semasa bulan Ramadan bermula jam 7.00 pagihingga 7.00 malam sahaja seperti mana diumumkan oleh Timbalan Pengurus JPBN Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah semalam.

Berikutnya langkah kerajaan menggalakkan kegiatan perniagaan secara online atau e-Bazar Ramadan, maka per-



**PRESIDEN** Dewan Ekonomi Melayu Sarawak, Tuan Bujang Boji Sitam

mintaan terhadap sektor penghantaran makanan secara "cash on delivery" (COD) akan meningkat dengan mendadak.

Oleh itu, DEKOMS menggesa kerajaan supaya kegiatan COD dibenarkan kepada syarikat tempatan yang berlesen atau ahli-ahli NGO berdaftar bagi meningkatkan jumlah penghantar makanan disebabkan jumlah pekerja Food Panda dan Grab Food amat terhad di pinggir bandar.



25 APR, 2020

## DEKOMS cadang sektor perniagaan `kawasan hijau` beroperasi

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Dewan Ekonomi Melayu Sarawak (DEKOMS) mencadangkan kepada kerajaan supaya beberapa sektor perniagaan di "kawasan hijau" Sarawak dibenarkan untuk beroperasi dengan langkah kawalan mengikut peraturan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beberapa sektor perniagaan yang tidak terdedah kepada risiko penularan wabak Covid-19 hendaklah diberikan pertimbangan serius supaya dibenarkan beroperasi bagi mengurangkan bebanan kewangan usahawan kecil semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).